

# **Mahathir: Waspada buku 10 perkara murtad**

KUALA LUMPUR 26 Sept. -- Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta umat Islam negara ini supaya berwaspada terhadap sebuah buku dari Arab Saudi yang menyenaraikan 10 perkara yang menurutnya murtad jika dilakukan oleh orang Islam.

Perdana Menteri berkata buku itu yang sudah terdapat di negara ini antara lain mendakwa jika orang Islam menerima seorang bukan Islam sebagai pemimpin maka ia jadi murtad.

Beliau yang juga Presiden UMNO memberitahu demikian dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di bangunan ibu pejabat UMNO di sini.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata soal dakwaan ramai orang Islam di negara ini masuk Kristian adalah di antara perkara yang telah dibincangkan dalam mesyuarat berkenaan.

Perdana Menteri berkata beliau telah menjelaskan kepada para ahli Majlis Tertinggi bahawa kerajaan tidak memperoleh sebarang bukti sama sekali bahawa ramai orang Melayu telah masuk Kristian.

"Malah 2,000 orang yang dikatakan telah masuk Kristian pun kita tak jumpa," ujarnya.

Beliau memberitahu sekarang ini apa yang sangat dikhuatirkan ialah terhadap usaha baru oleh pihak-pihak tertentu untuk menafsirkan orang-orang murtad.

Katanya, mereka ini menetapkan sesiapa sahaja yang tidak mengikut mana-mana satu hukum Allah jadi murtad.

"Kini sudah ada sebuah buku dari Arab Saudi yang

menyenaraikan yang mana satu yang tidak ikut jadi murtad. Ia mendakwa kalau kita terima orang bukan Islam sebagai pemimpin maka kita jadi murtad," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir mempersoalkan jika dakwaan macam ini diterima maka semua minoriti orang Islam yang tinggal di negara bukan Islam adalah murtad dan tidak ada orang Islam di situ.

Ditanya apakah langkah yang akan diambil oleh UMNO untuk memerangi dakwah Kristian di negara

ini, Perdana Menteri berkata beliau tidak nampak sebarang dasyah Kristian.

"Apa yang saya nampak ialah dakwah orang Islam, tetapi semua orang Islam di sini kuat iman, maka dakwah mereka tak makan. Sebab itulah saya cuba nak cari orang Melayu yang masuk Kristian tak jumpa lagi."

"Kalau kesan dakwah Kristian kuat kita sudah tentu jumpa ramai orang Melayu termasuk yang berjalan-jalan di Jalan Chow Kit yang beragama Kristian," katanya.